ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"SESUNGGUHNYA Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat memberi segala penghormatan dan kebaikan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Ahzab, ayat 56.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.45 | SUBUH 4.55 | SYURUK 6.13 | DUHA 6.35 | ZUHUR 12.19 | ASAR 3.20 | MAGHRIB 6.23 | ISYAK 7.33 | Daerah Belait ditambah 3 minit Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 108 | 8 SEPTEMBER 2025 / 1447 ربيع الأول 15 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik
79 Tahun

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

# BERANGKAT MENGEPALAI PERARAKAN SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berangkat ke Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi. - Foto : Mohammad Hasif Matzin (*Lihat muka 3 hingga 5*).**

# NBD, Malaysia terus kukuhkan hubungan erat

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**

**JERUDONG,** Sabtu, 6 September. - Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam (NBD) menganjurkan Majlis Resepsi bersempena Hari Kebangsaan Malaysia Ke-68 bertempat di Royal Berkshire Hall, Tarindak D'Polo Jerudong, malam tadi.

Majlis tersebut dihadiri lebih 250 orang terdiri daripada orang-orang kenamaan, anggota kor diplomatik, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, pegawai-pegawai kanan kerajaan, ahli akademik, tokoh perniagaan terkemuka serta wakil daripada komuniti Malaysia.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan isteri.

>> Muka 8

# Menjalin kerjasama strategik pembangunan akademik, penyelidikan

**Siaran Akhbar : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan**

**MANILA**, Sabtu, 6 September. - Consortium of Asia-Pacific Education Universities (CAPEU) Board of Directors' Meeting, 7th Annual General Meeting dan juga International Conference on Education Futures (ICEF2025) telah diadakan baru-baru ini pada 3 hingga 5 September 2025, bertempat di Grand Westside Hotel, Manila, Republik Filipina.

>> Muka 9

## Berita Utama



MEMUPUK rasa cinta kepada Rasulullah
Muka 9




MINGGU Brunei ketengahkan produk tempatan, peluang tembus pasaran baharu
Muka 10



PROGRAM Sehari Bersama Pemimpin Muda 2025 serlah kemahiran kepimpinan
Muka 18



RENCANA

BUDAYA 'memucang-mucang' cerminkan semangat perpaduan
Muka 21



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan mengurniakan titah pada Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-13 pada Rabu, 10 Rabiulawal 1447 Hijrah bersamaan 3 September 2025 Masihi bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

# UTB memartabatkan mushaf sebagai 'lambang ilmu tiada tolok bandingnya'

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

**BETA** bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir ke Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Brunei (UTB) Kali Ke-13 pada hari ini.

Di kesempatan ini, beta terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Semoga jadi pemangkin kepada kecemerlangan di masa akan datang. Ucapan tahniah juga beta tujukan kepada ibu bapa dan penjaga serta tenaga pengajar yang secara konsisten telah mendorong para graduan sehingga beroleh kejayaan.

Pada Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-8 yang berlangsung pada 16 November 2020, beta telah melancarkan Majlis Penulisan Mushaf UTB dan menzahirkan titah bahawa mushaf ini akan menjadi kepala dalam setiap perarakan Majlis Konvokesyen UTB. Ini menandakan bahawa UTB tidak ketinggalan dalam memartabatkan Mushaf sebagai 'lambang ilmu yang tidak ada tolok bandingnya'. Alhamdulillah, pada hari ini, buat julung kalinya, Mushaf UTB tulisan tangan telah dijulang dan diarak sebagai mengetuai perarakan Majlis Konvokesyen pada pagi ini.

Beta ucapkan syabas kepada kejayaan ini.

Beta ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada UTB atas penampilan sulung dalam kedudukan Dunia Times Higher Education 2025 yang berprestij. Sementara itu, kedudukan terkini dalam QS World University Ranking 2026 menunjukkan bahawa UTB kini berada pada tangga ke-9 di kalangan Universiti Kejuruteraan dan Teknologi di ASEAN. Syabas atas pencapaian ini.

Beta gembira mengetahui bahawa prestasi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini dalam kedudukan *ranking* dunia adalah selaras dengan aspirasi ke arah mencapai sasaran matlamat Wawasan Brunei 2035 berlandaskan kepada konsep Melayu Islam Beraja.

Beta berharap usaha institusi-institusi pengajian tinggi untuk memberi impak di persada global dapat diteruskan.

Beta ingin mengingatkan kepada UTB untuk bukan sahaja memfokuskan kepada pencapaian akademik sahaja bahkan meningkatkan kemudahan-kemudahan pengajaran dan pembelajaran bagi para tenaga pengajar dan penuntut UTB.

Menyentuh mengenai inovasi, pada hemat beta, UTB telah mencapai kematangan dengan kurikulum pembelajaran dan penyelidikan dan telah berhasil memberi impak signifikan kepada budaya inovasi.

Dalam peringkat kebangsaan dan ASEAN, UTB telah berjaya memajukan pemikiran inovatif melalui penganjuran Pertandingan CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota selama dua dekad. Pertandingan CIPTA berfungsi sebagai platform untuk mengetengahkan idea-idea bernas yang mampu memberikan impak signifikan dan menjadi sebahagian daripada gerakan inovasi global.

Inovasi yang beta maksudkan di sini adalah penyelesaian teknologi global melalui Kecerdasan Buatan (AI), teknologi iklim dan teknologi mendalam atau *deep tech* untuk memacu kemampanan dan membentuk semula hala tuju industri.

Beta berharap agar semua pihak akan dapat bersama-sama mendukung usaha ke arah memastikan budaya inovasi ini boleh menyumbang kepada perkembangan ekonomi yang mampan dalam menjana peluang pekerjaan kepada graduan-graduan tempatan.

>> Muka 9

## WAKTU SEMBAHYANG

| SEPTEMBER MASIHI | HARI | RABIULAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 8 | ISNIN | 15 | 4.45 | 4.55 | 6.13 | 6.35 | 12.19 | 3.20 | 6.23 | 7.33 |
| 9 | SELASA | 16 | 4.45 | 4.55 | 6.12 | 6.35 | 12.19 | 3.19 | 6.23 | 7.32 |
| 10 | RABU | 17 | 4.45 | 4.55 | 6.12 | 6.35 | 12.18 | 3.18 | 6.22 | 7.32 |
| 11 | KHAMIS | 18 | 4.45 | 4.55 | 6.12 | 6.34 | 12.18 | 3.18 | 6.22 | 7.31 |
| 12 | JUMAAT | 19 | 4.45 | 4.55 | 6.12 | 6.34 | 12.18 | 3.19 | 6.21 | 7.31 |
| 13 | SABTU | 20 | 4.44 | 4.54 | 6.12 | 6.34 | 12.17 | 3.19 | 6.21 | 7.30 |
| 14 | AHAD | 21 | 4.44 | 4.54 | 6.11 | 6.34 | 12.17 | 3.19 | 6.20 | 7.30 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C | 32 / 24 °C |
| Pekan Bangar | 30 / 23 °C | 30 / 24 °C | 30 / 23 °C |
| Pekan Tutong | 30 / 23 °C | 30 / 24 °C | 30 / 23 °C |
| Kuala Belait | 30 / 23 °C | 30 / 23 °C | 30 / 23 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 8 SEPTEMBER 2025

### Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam contoh terbaik memperkukuh nilai kekeluargaan

**NEGARA** Brunei Darussalam menyambut Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah secara besar-besaran dengan perhimpunan dan perarakan serentak di keempat-empat daerah pada Sabtu, 13 Rabiulawal 1447 Hijrah bersamaan 6 September 2025 Masihi lalu dengan tumpuan utama di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Alhamdulillah laungan dikir dan selawat ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bergema di bumi Darussalam menyemarakkan Majlis Perhimpunan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1447H / 2025M yang disertai oleh segenap lapisan masyarakat dan penduduk.

Tema sambutan tahun ini, 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah Warahmah' menunjukkan Baginda Rasulullah sebagai ketua keluarga yang menjadi contoh terbaik kepada umat Baginda yang menekankan kepada pembentukan keluarga bagi menjamin kebahagiaan keluarga dengan kasih sayang dan rahmat. Peranan Rasulullah bermula selaku pendidik dan pembina keluarga dengan sifat-sifat Baginda mengajarkan sifat ihsan dan berkasih sayang, adil dan bertanggungjawab.

Sebuah keluarga yang saling menyayangi dan menyokong antara satu sama lain akan kekal bersama sehingga ke akhir hayat. Sebuah keluarga sakinah mawaddah warahmah dimaksudkan dengan penuh ketenangan, kebahagiaan dan kerahmatan. Untuk membina keluarga bahagia, institusi kekeluargaan harus kuat dari segi semua aspek terutamanya dalam kerohanian dan moral.

Keperibadian Rasulullah terhadap isteri, anak wajar dicontohi pasangan zaman ini. Sebuah keluarga yang bahagia mampu melahirkan masyarakat sejahtera kerana kehidupan setiap individu bermula di rumah atas didikan dan bimbingan ibu bapanya. Apabila individu itu dibentuk dengan baik maka masyarakat di sekelilingnya akan harmoni dan sejahtera.

Melahirkan keluarga sejahtera dan harmoni, ibu bapa hendaklah berusaha membentuk anak menjadi generasi hebat dan berkualiti. Contoh membina keluarga dapat kita lihat daripada pendekatan Rasulullah kepada ahli keluarganya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah seorang suami dan ayah yang sangat mengambil berat terhadap kebajikan keluarga kerana sifat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai seorang bapa yang sangat penyayang. Walaupun Baginda pemimpin masyarakat, kewibawaannya sebagai suami dan ayah tidak dapat ditandingi.

Justeru, dengan sambutan bagi memperingati akan kelahiran Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan dapat mengingatkan kita bahawa Rasulullah adalah contoh terbaik bagi seluruh umat bahawa menyayangi serta memimpin keluarga adalah pendekatan terbaik bagi membentuk ummah yang hebat dan sikap seperti inilah yang patut kita contohi dan praktikkan. **- Ketua Penyuntingan (Ri)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتربيتکن اوليه جابتن ڤنرڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه ڤرينت ڤلس سندرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Berangkat mengepalai perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berangkat ke Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengepalai perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi di ibu negara, pagi tadi.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

>> Muka 4

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin**





**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah alu-aluannya (kiri), manakala gambar kanan, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.**



**SEBAHAGIAN daripada tetamu yang hadir pada majlis berkenaan (atas). Manakala gambar kanan, majlis diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban. Sementara gambar bawah, antara yang turut serta pada majlis berkenaan.**








**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengepalai perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan.**

>> Muka 3

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, selaku Pengendali Bersama; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Acara diteruskan dengan sembah alu-aluan daripada Menteri Hal Ehwal Ugama yang antara lain menyembahkan bahawa Penasihat-penasihat dan semua peringkat Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Bertindak Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam berserta dengan kepimpinan agensi-agensi kerajaan dan swasta yang mendampingi Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengendalikan bersama Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tahun ini, iaitu Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan juga BIBD, menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyerikan perhimpunan dan seterusnya berkenan mengepalai perarakan sebanyak 95 buah pasukan yang terdiri daripada pasukan-pasukan tidak bernombor, kementerian-kementerian, Institut Pengajian Tinggi (IPT), maktab, sekolah menengah, Majlis Perundingan Kampung, takmir masjid, persatuan-persatuan awam dan sektor swasta, yang jumlah keseluruhannya 5,557 orang.

>> Muka 5



**YANG Berhormat Ketua Hakim Syarie mengepalai bacaan selawat yang menandakan perarakan dimulakan.**



**ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (kiri dan bawah kanan). Manakala gambar bawah tengah, bacaan Sayyidul Istighfar yang dibawakan oleh gabungan pegawai dan kakitangan daripada KHEU, MOFE, KKBS dan BIBD.**



**TEMBAKAN meriam sebanyak 21 das dilepaskan (atas).**









**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berangkat menyertai perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan dan seterusnya berkenan beramah mesra (kiri dan atas). Manakala gambar bawah kiri dan bawah tengah, antara yang menyertai perarakan.**

>> Muka 4

"Sesungguhnya Hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekalian dalam Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ini bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD), negara kita yang tercinta ini dapat meneruskan tradisi yang baik, tradisi menyambut Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai tanda kita bersyukur menjunjung tinggi kurnia Allah Subhanahu Wata'ala mentakdirkan majoriti rakyat dan penduduknya turun temurun mendapat hidayat Allah Subhanahu Wata'ala, berugama Islam dan mendaulatkannya menjadi ugama rasmi negara.

"Seterusnya kita sekalian bersyukur NBD diberkati Allah Subhanahu Wata'ala dengan kekal berpemerintahan beraja yang Islami, pemerintahan yang menyantuni rakyat, generasi demi generasi, memimpin ke arah kebajikan, berusaha mencapai kejayaan yang berkat dengan berkemajuan yang seimbang, demi dunia dan akhirat," sembah Yang Berhormat lagi.

Majlis diteruskan dengan persembahan Dikir Marhaban dan bacaan Sayyidul Istighfar yang dibawakan oleh gabungan pegawai dan kakitangan daripada KHEU, MOFE, KKBS dan BIBD.

Sebaik sahaja sampai kepada 'Ya Habibi', tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan.

Sebelum perarakan bermula, Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, mengepalai bacaan Selawat yang menandakan perarakan dimulakan.

Pada tahun ini, seramai 5,557 peserta mengikuti perarakan, melibatkan 95 pasukan yang dibahagikan kepada lima kategori, iaitu Kategori Pasukan-pasukan Tidak Bernombor, Kategori Kementerian - kementerian, Kategori IPT / Maktab / Sekolah Arab / Sekolah Menengah / Sekolah Menengah Swasta, Kategori Kampung dan Masjid serta Kategori Persatuan dan Sektor Swasta.

Perhimpunan dan perarakan turut diadakan serentak di tiga buah daerah lain.

Bagi Daerah Belait, Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1447H diadakan di Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait yang dihadiri oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Manakala di Daerah Tutong, sambutan seumpamanya diadakan di kawasan lapang Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong yang dihadiri oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Sementara di Daerah Temburong, Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diadakan di pekarangan Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar yang dihadiri oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.









**SEKITAR Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang disertai oleh segenap lapisan masyarakat dan penduduk daripada pelbagai peringkat di daerah ini (atas kiri sekali, atas kiri, bawah kiri dan bawah kanan).**





PELITA BRUNEI

# Majlis sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam

## Daerah Tutong

**Oleh : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

**TUTONG**, Sabtu, 6 September. - Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Tutong diadakan pagi tadi, bertempat di kawasan lapang Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan persembahan Dikir Marhaban beramai-ramai dari Bahagian Pengajian Islam yang diketuai oleh Awang Sirajul Aidil bin Haji Mohd. Yusof.

Manakala bacaan Sayyidul Istighfar dan Doa Selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong, Awang Abdul Hafiz bin Haji Abd. Kadiroshman.

Sementara itu, laungan selawat diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, SkiPPA, Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai, Awang Adi Hassanal bin Mohd. Haidi.

Perarakan pada pagi tadi telah didahului tetamu khas majlis bersama Ahli Jawatankuasa Kerja Sambutan Peringkat Daerah Tutong dan diiringi selawat oleh kumpulan dikir sejauh 1.4 kilometer.

Perarakan berakhir dan berkumpul semula di kawasan lapang berhadapan Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong.

Penyertaan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Tutong kali ini melibatkan sebanyak 37 buah pasukan.

Para peserta terdiri daripada tiga pasukan beruniform dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) seramai 591 ahli, Pasukan Polis Diraja Brunei seramai 66 ahli serta Jabatan Bomba dan Penyelamat seramai 58 ahli.

Manakala daripada jabatan-jabatan kerajaan sebanyak lima buah pasukan; daripada sekolah-sekolah sebanyak lima buah pasukan; masjid-masjid Daerah Tutong sebanyak 24 buah pasukan dan persatuan sebanyak tiga buah pasukan menjadikan jumlah keseluruhan peserta seramai 2,281 orang.

Turut hadir sama pada majlis berkenaan ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, Ahli Jawatankuasa Kerja Sambutan Peringkat Daerah Tutong, para peserta pasukan perarakan dan para jemputan.



**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan yang telah mengambil tempat di kawasan lapang Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.**



**ANTARA yang menyertai perhimpunan tersebut.**

## Daerah Temburong

**TEMBURONG,** Sabtu, 6 September. - Lebih 1,147 orang terdiri daripada para penghulu mukim dan ketua kampung, jemputan khas, ahli jawatankuasa kerja, takmir dan jemaah masjid serta pasukan perarakan menyertai Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Temburong Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di pekarangan Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu khas dan seterusnya turut menyertai perarakan tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Hadir sama, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Guru Ugama Tingkat II, Sekolah Ugama Bokok, Daerah Temburong, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamzah diikuti dengan Tazkirah Khas disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Najib bin Haji Awang.

Kemudian majlis diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban dan bacaan Sayyidul Istighfar oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Selangan serta bacaan Doa Selamat dan laungan selawat sebanyak tiga kali dipimpin oleh Imam Tingkat I, Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Daerah Temburong, Awang Mahdini bin Kamis.

Setelah itu, perarakan sejauh 1.6 kilometer mengelilingi Pekan Bangar didahului oleh pasukan yang diketuai oleh tetamu khas dan ahli-ahli jawatankuasa sambutan, diikuti pasukan-pasukan lain yang mengambil bahagian.

Di samping memeriahkan suasana dengan perarakan yang penuh keberkatan, majlis ini turut bermatlamat untuk memakmurkan laluan di persekitaran kawasan dan menyerlahkan syiar Islam.

Perarakan tersebut juga menjadi wadah untuk merapatkan ukhuwah sesama umat Islam melalui penglibatan pelbagai lapisan masyarakat, jemaah masjid, dan penduduk kampung di Daerah Temburong.



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyertai Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Temburong.**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

## Daerah Belait



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu khas pada majlis perhimpunan dan perarakan tersebut.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BELAIT,** Sabtu, 6 September. - Bagi memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta menanam kecintaan dan penghormatan terhadap Baginda, Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Belait Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi dianjurkan dengan penuh takzim melalui perhimpunan dan perarakan yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat seluruh negara ini, pagi tadi.

Perhimpunan ini memberikan penghayatan sunnah dan nilai-nilai murni Rasulullah, di samping memupuk semangat perpaduan ummah melalui penyertaan aktif institusi kerajaan, swasta, institusi pendidikan, masjid, kampung dan persatuan.

Di Daerah Belait, seramai 2,625 peserta, melibatkan 35 pasukan mengikuti Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Belait yang diadakan di Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait, di sini.

Pasukan yang menyertai terdiri daripada ahli jawatankuasa, pasukan-pasukan beruniform, jabatan-jabatan kerajaan, syarikat-syarikat swasta, sekolah-sekolah menengah dan Arab, masjid, surau, balai ibadat, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta persatuan-persatuan di Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis perhimpunan tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah oleh Imam Tingkat III, Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Kuala Belait (KB), Awang Abdul Azim bin Haji Abdul Adzid@Abdul Majid.

Perhimpunan tersebut diteruskan lagi dengan Tazkirah Khas yang membawakan tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini iaitu 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Adalah Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah Warahmah' disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Iringan persembahan tausyeh daripada murid-murid Sekolah Ugama Ahmad Tajuddin turut memeriahkan majlis, diserikan lagi dengan persembahan Dikir Marhaban daripada gabungan pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Daerah Belait.

Bacaan Doa Selamat dan diikuti laungan selawat sebanyak tiga kali dipimpin oleh Imam Tingkat III, Masjid RPN Kampung Pandan, Daerah Belait. Perarakan sejauh 1.6 kilometer mengelilingi Pekan Belait didahului oleh pasukan yang diketuai oleh tetamu khas dan ahli-ahli jawatankuasa sambutan, diikuti pasukan-pasukan lain yang mengambil bahagian.

Majlis ini diadakan sebagai wadah untuk menyampaikan mesej dakwah dan pengajaran Islam secara berkesan kepada generasi muda agar mereka terus menjadikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai contoh teladan dalam kehidupan seharian.

# Majlis sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam

## Daerah Tutong



ISTERI Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu khas majlis.

**Oleh : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

**TUTONG**, Sabtu, 6 September. - Bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Perhimpunan Khas Wanita telah berlangsung pagi tadi bertempat di Dewan Ma'had Islam Brunei, di sini.

Hadir selaku tetamu khas majlis, isteri Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; Timbalan Setiausaha Tetap II, KSSUP, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim; dan isteri Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Dayang Rahayu binti Haji Abdul Rahman.

Majlis diisikan dengan penyampaian Ceramah Khas bertajuk 'Bagaimana Membina Keluarga Mengikut acuan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Norhayati binti Haji Abd. Rahman.

Dayang Norhayati dalam ceramahnya menjelaskan bagi mewujudkan keluarga bahagia, haruslah mengikut acuan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang merupakan insan terpilih yang menjadi utusan Allah Subhanahu Wata'ala.

Beliau seterusnya berkata bahawa perutusan Baginda mencakup seluruh alam dan zaman di mana setiap ajaran yang dibawa, disampaikan dan ditunjukkan oleh Baginda melalui akhlaknya adalah tetap relevan dan sesuai dipraktikkan oleh kita semua pada zaman moden sekarang ini dan sehingga bila-bila.

Kemuncak acara Majlis Perhimpunan Khas Wanita berkenaan diserikan lagi dengan persembahan Dikir Marhaban beramai-ramai daripada guru-guru besar dan guru-guru sekolah ugama Daerah Tutong.

Para jemputan yang hadir pada majlis berkenaan terdiri daripada Muslimah-muslimah Masjid Daerah Tutong, ketua-ketua jabatan, isteri penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dan guru-guru ugama Daerah Tutong, ahli persatuan dan pertubuhan awam Daerah Tutong, warga emas serta penduduk mukim dan kampung di Daerah Tutong menjadikan jumlah keseluruhan peserta seramai 500 orang.

## Daerah Belait

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**



ISTERI Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan yang telah mengambil tempat di Dewan Bandaran, Kuala Belait.

**BELAIT,** Sabtu, 6 September. – Bagi sama-sama memperingati hari kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum hawa di Daerah Belait turut tidak ketinggalan bagi sama-sama memeriahkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengadakan Majlis Perhimpunan Khas Wanita Tahun 1447 Hijrah bertempat di Dewan Bandaran, Kuala Belait (KB), di sini.

Majlis perhimpunan yang dihadiri kira-kira 600 Muslimah di Daerah Belait itu juga dihadiri oleh, isteri Menteri Pembangunan, Datin Dayang Fadzlin binti Haji Hashim yang juga selaku tetamu khas pada majlis berkenaan.

Terdahulu bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Pelajaran Ugama, Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SUPSBSOAS), Dayang Norazimah binti Haji Kahar.

Setelah itu, diikuti dengan ceramah dengan tajuk bersempena tema Majlis Sambutan Maulud pada tahun ini iaitu 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Adalah Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah Warahmah' yang disampaikan oleh Guru Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Dr. Dayang Zati Hanani binti Dato Seri Setia Haji Rajid.

Antara inti pati ceramah beliau menyentuh mengenai tema sambutan pada tahun ini bermaksud kita mengikuti dan mencontohi Rasulullah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk mendapatkan keluarga yang damai, dipenuhi cinta dan kasih sayang dan diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Jelasnya lagi, jika diteliti dengan lebih mendalam lagi, dan diaplikasikan di dalam kehidupan kita, bukanlah suatu yang mudah apatah lagi kehidupan berkeluarga pada zaman sekarang banyak liku-liku dan cabaran untuk menjadikan keluarga kita sentiasa mengikuti ajaran Islam.

Apa yang dapat kita usahakan semaksimumnya ialah mengikuti keteladanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam berkeluarga. Menurutnya lagi, jika kita menelusuri sejarah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kehidupan berkeluarga, Baginda adalah insan yang paling menyantuni ahli keluarganya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bergurau senda, berlemah lembut dan sentiasa bertolak ansur dengan mereka. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam juga menunjukkan kebijaksanaan dan sifat yang baik serta keindahan akhlak dan kelembutan budi pekerti dalam pergaulan.

Sifat-sifat tersebut katanya, telah menimbulkan perasaan cinta sahabat dan ahli keluarga kepada Baginda. Beliau seterusnya menambah, antara contoh kita menyantuni keluarga kita ialah melakukan aktiviti keagamaan bersama seperti sembahyang berjemaah, bersama-sama mengadakan majlis ilmu di dalam sebuah keluarga.

Antara lain jua ialah makan bersama satu meja atau dalam bahasa kita *bersaprah* di dalam keluarga. Beliau menambah, jika kita selalu menyantuni dan meluangkan masa bersama keluarga, kita akan tahu apa permasalahan keluarga, kita akan membantu satu sama lain, kita akan memahami satu sama lain dan kita akan mempercayai satu sama lain dan timbullah di sini kasihnya seorang keluarga kepada seorang keluarga lainnya.

"Justeru bagi mengamalkan segala tuntutan dan saranan dalam Al-Quran, seseorang perlu meneladani sirah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam segenap aspek kehidupan.

"Antara aspek paling penting ialah akhlak yang ditunjukkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersama ahli keluarga kerana perkara tersebut menjadi asas dalam membangunkan masyarakat dan negara," ujar Dr. Dayang Zati Hanani lagi.

Acara diteruskan dengan persembahan Kalam Jamaie 'Cahaya Dari Mekah' daripada pelajar-pelajar Sekolah Arab Belait, KB dan kemudian disusuli dengan persembahan Dikir Marhaban daripada Ahli-ahli Persatuan PERTIWI Daerah Belait.

Majlis diakhiri dengan Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Pelajaran Ugama, SUPSBSOAS. Majlis tersebut diharapkan dapat menyemai semangat keagamaan yang lebih mendalam dalam kehidupan seharian wanita, sekali gus menjadi sumber inspirasi kepada generasi muda.

Ia juga berperanan sebagai platform untuk menzahirkan teladan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada golongan wanita muda agar mereka membesar dengan nilai-nilai murni yang luhur.

Di samping itu, majlis berkenaan turut memartabatkan kedudukan wanita Islam dengan menyerlahkan bahawa wanita yang bukan sekadar pelengkap masyarakat, malah merupakan pemimpin dan pendidik yang berwibawa serta berperanan penting dalam membentuk generasi masa depan.

## Daerah Temburong



ISTERI Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu khas pada Majlis Perhimpunan Wanita Khas Wanita tersebut.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**TEMBURONG**, Sabtu, 6 September. - Majlis Perhimpunan Wanita Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi diadakan serentak di ketiga-tiga buah daerah, iaitu di Daerah Belait, Temburong dan Tutong.

Bagi Peringkat Daerah Temburong, majlis diadakan di Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar yang dihadiri oleh isteri Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Datin Dayang Hajah Mahayon binti Haji Mohd. Taha selaku tetamu khas majlis.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Guru Ugama Tingkat II, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Aisyah Safiyah binti Haji Abd. Rahman.

Majlis diserikan lagi dengan Tazkirah Khas Maulidur Rasul bertajuk 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah Warahmah' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang.

Dalam ceramahnya antara lain menekankan mengenai teladan kekeluargaan daripada sirah iaitu Keluarga sebagai tempat perlindungan yang pertama: Rasulullah kembali ke rumah setelah menghadapi sesuatu yang menakutkan / mengkhuatirkan Baginda.

Beliau seterusnya menjelaskan mengenai dengan sokongan isteri pada waktu dalam kesulitan iaitu seorang isteri dalam keluarga sebagai penenang jiwa, pendamping setia dan sebagai pemberi keyakinan ketika Rasulullah dalam keadaan gundah gulana. Penguat semangat bagi Rasulullah untuk meneruskan perjuangan dakwah.

"Kisah penerimaan wahyu Baginda Rasulullah: kemudian dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, daripada Aisyah Radiallahuanha bahawa Rasulullah bersabda : "Selimuti aku, selimuti aku", Baginda pun diselimuti hingga hilang ketakutannya dan kemudian Baginda menceritakan peristiwa kepada Khadijah, maka Khadijah berkata : "Demi Allah, Allah tidak akan menyusahkanmu selamanya kerana engkau adalah orang yang menyambung silaturahim, memikul beban orang lain, mengusahakan sesuatu yang tidak ada, memuliakan tetamu dan sentiasa membela kebenaran," ujarnya.

Majlis diikuti dengan tausyeh oleh Kumpulan Tausyeh 'Dhafwatul 'Aisy' dan diikuti dengan persembahan Dikir Marhaban oleh Ahli-ahli Jawatankuasa, Guru-guru Besar Sekolah Ugama dan Muslimah Masjid Daerah Temburong. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Guru Ugama Tingkat II, KHEU, Aisyah Safiyah binti Haji Abd. Rahman.

Tujuan majlis tersebut adalah untuk menyemarakkan lagi hari kebesaran Islam di negara ini, di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan kaum wanita di negara ini amnya dan kaum wanita Daerah Temburong khususnya.

# NBD, MALAYSIA TERUS KUKUHKAN HUBUNGAN ERAT






**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri hadir selaku tetamu kehormat, juga selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada majlis berkenaan (kiri sekali), manakala gambar kiri, Yang Berhormat dan isteri ketika upacara memotong kek.**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Ak. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan NBD dan Malaysia, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini Atan.

Dalam ucapannya, Tuan Yang Terutama menzahirkan penghargaan terhadap hubungan persahabatan erat yang terjalin sekian lama antara Malaysia dan NBD serta menyatakan keyakinan bahawa sejarah dan kepercayaan yang dikongsi bersama akan terus memacu kedua-dua buah negara ke arah keamanan, kemakmuran dan keharmonian yang lebih baik pada masa hadapan.

TYT turut mengetengahkan pencapaian penting dalam pelbagai bentuk kerjasama antara kedua-dua buah negara termasuk dalam bidang ekonomi, pertahanan, pelancongan, pendidikan dan kesihatan.

Mengenai ASEAN, TYT menegaskan semula komitmen teguh Malaysia selaku Pengerusi ASEAN untuk membawa blok serantau ini lebih dekat kepada rakyat serta memacu rantau ini ke arah masa depan yang lebih inklusif dan mampan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat dan isteri, diikuti dengan upacara memotong kek. Bagi mempersembahkan elemen kebudayaan Malaysia, para tetamu turut dihiburkan dengan persembahan secara langsung alat muzik tradisional kulintangan dan demonstrasi silat, sambil menikmati pelbagai hidangan tradisional ikonik Malaysia.

# Tazkirah 'Mencintai Rasulullah Sampai ke Syurga' serikan Malam Munajat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 September. - Anas Radiallahuanhu meriwayatkan : "Seorang lelaki bertanya kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tentang Hari Kiamat, bilakah Hari Kiamat akan berlaku? Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab, apa yang kamu sediakan untuknya? Lelaki itu berkata, saya tidak menyediakan apa-apa kecuali bahawa saya cinta Allah dan Rasul-Nya. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berkata, kamu akan bersama dengan orang yang kamu cintai".

Anas Radiallahuanhu menyatakan kegembiraannya mendengar hadis ini dan beliau sendiri berasa berharap dapat bersama Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar Radiallahuanhu kerana kasihnya kepada mereka, walaupun amalnya tidak setanding dengan mereka.

Hadis ini menegaskan kepentingan cinta kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya sebagai persediaan utama untuk Hari Kiamat dan menjadi petanda bahawa orang yang mencintai seseorang akan dikumpulkan bersama mereka di akhirat.

Perkara tersebut merupakan antara inti pati tazkirah bertajuk 'Mencintai Rasulullah Membawa ke Syurga' yang disampaikan oleh Pegawai Pendidikan Ugama, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Noorizah binti Haji Abidin bagi menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-197 Khas untuk Wanita Ke-28, baru-baru ini.

Acara Malam Munajat tersebut disertai oleh Ahli Wanita Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Muslimah dari Kelas Bimbingan Muslimah Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, jemaah daripada beberapa buah masjid serta warga kerja wanita KHEU dan juga individu yang turut serta secara maya dari kediaman masing-masing.



**JUGA menyertai Malam Munajat tersebut ialah isteri Menteri Hal Ehwal Ugama.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

Juga menyertai Malam Munajat tersebut ialah isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Timbalan Setiausaha II, Jawatankuasa Eksekutif, Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Dayang Nurhuwaina binti Mahmud, diikuti dengan bacaan Surah Al-Waqiah beramai-ramai dipimpin oleh Ahli Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Dayang Siti Amal Zakiah binti Haji Md. Yusof dari Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Ugama, Jabatan Pentadbiran, KHEU, Dayang Norhanani binti Haji Abd. Wahab.

Selepas tazkirah, program tersebut diteruskan dengan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Dayang Nurul Janah binti Shahbudin bersama Muslimah dari Kelas Bimbingan Muslimah Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dari masjid berkenaan.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Ugama (SkiPPA), Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Dayang Noorhazalina binti Mohiddin.

Malam Munajat anjuran KHEU bertujuan mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan melalui istighfar, membaca serta menghayati ayat-ayat suci Al-Quran dan merafakkan serta mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada sebarang bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai dialu-alukan untuk menyertai acara Malam Munajat yang diadakan pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan *https://tiny.cc/munajatkheuwanita*.

# Seria terima Anugerah ESC Ke-6

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Belait**




**PEMANGKU Pegawai Daerah Belait hadir sebagai wakil untuk menerima anugerah tersebut.**

**LANGKAWI, MALAYSIA**, Ahad, 7 September. - Seria telah dipilih sebagai salah sebuah bandar yang menerima Anugerah 6th ASEAN Environmentally Sustainable Cities (ESC) pada 3 September 2025 di Langkawi, Malaysia.

Anugerah ini merupakan inisiatif di bawah ASEAN Working Group on ESC yang bertujuan memberikan pengiktirafan kepada bandar-bandar ASEAN yang menunjukkan kepimpinan serta kecemerlangan dalam memajukan agenda pembangunan bandar mampan berteraskan kelestarian alam sekitar.

Pencalonan Seria bagi menerima anugerah ini telah dipersetujui oleh Pegawai-pegawai Kanan ASEAN yang bertanggungjawab dalam hal ehwal alam sekitar di rantau ASEAN, berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan semasa 36th Meeting of the ASEAN Senior Officials on the Environment (ASOEN) yang berlangsung pada 29 Julai 2025.

Hadir sebagai wakil untuk menerima anugerah tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad.

# MEMUPUK RASA CINTA KEPADA RASULULLAH





**YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Dikir Maulidur Rasul (kiri), manakala gambar kanan, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.**

**KILANAS**, Sabtu, 6 September. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas telah mengadakan Majlis Penutup Dikir Maulidur Rasul, malam tadi.

Majlis Dikir Syarafil Anam yang telah diadakan bersempena memperingati Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bermula 24 Ogos hingga 4 September 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Majlis Dikir Syarafil Anam yang diungkayahkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas antara lain bertujuan sebagai aktiviti tahunan masjid tersebut serta menggalakkan ahli jawatankuasa takmir, jemaah masjid serta penduduk kampung untuk ikut serta menjayakan Dikir Syarafil Anam demi untuk meraih pahala dan berkat sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Selain itu, majlis juga bertujuan untuk memupuk rasa cinta kepada Rasulullah, memupuk semangat bergotong-royong, bekerjasama

**Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

dan menyemai rasa perpaduan.

Dalam masa yang sama, majlis juga bertujuan untuk mengimarahkan masjid sekali gus merapatkan silaturahim di antara penduduk Kampung Kilanas dan kawasan sekitarnya.

Sepanjang 12 malam Dikir Syarafil Anam diungkayahkan, sebanyak 20 pasukan dikir telah dijemput antaranya Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya, Kementerian Pertahanan (JAMA'AT), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, mantan pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Perkhidmatan Pos dan lain-lain.

# Menjalin kerjasama strategik pembangunan akademik, penyelidikan

**Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan**

>> Muka 1

Mesyuarat dan persidangan dikendalikan oleh Philippines Normal University (PNU).

Mewakili Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) ke mesyuarat dan persidangan berkenaan ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dan Timbalan Dekan (Pendidikan), Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan, Ahmad Humaizi bin Haji Samihon juga selaku Pegawai Perhubungan KUPU SB-CAPEU.

CAPEU Board of Directors' Meeting 01/2025 dan 7th Annual General Meeting kali ini antara lain membincangkan agenda-agenda yang berkaitan dengan pendidikan guru termasuklah Kalendar Tahunan CAPEU bagi Tahun 2026.

Mesyuarat juga mengesahkan Mahasarakham University, Thailand sebagai tuan rumah bagi CAPEU Board of Directors' Meeting 01/2026 dan 8th Annual General Meeting yang akan diadakan di Pattaya, Chonburi, Thailand di mana akan diselajurkan dengan The 12th International Conference on Educational Reform pada 23-25 Mei 2026.

Sejak ditubuhkan pada April 2013, Consortium of Asia-Pacific Education Universities (CAPEU) telah menjadi wadah penting yang menawarkan peluang kepada para ahli untuk memperkukuh, mempromosi, berinteraksi serta menggabungkan jaringan dan kerjasama pendidikan antarabangsa.

Selain itu, pelbagai aktiviti tahunan turut dianjurkan, termasuk persidangan, seminar, penerbitan, penempatan profesional dan program khidmat masyarakat bersama.

Tidak syak lagi, penglibatan dalam CAPEU mencerminkan komitmen berterusan KUPU SB ke arah menjalin kerjasama strategik dalam pembangunan akademik dan penyelidikan, sekali gus memperkasa peluang untuk bersama-sama mengintegrasikan pendidikan di arena serantau dan antarabangsa.



MAJLIS Khatam Hafaz 30 Juzuk Al-Quran bagi graduan Diploma 'Aliyah Qiraat Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Sesi Pengajian 2022 hingga 2025. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



SEBAHAGIAN aktiviti yang diadakan semasa pameran 'Minda Matters' Mental Health Fair di Ruang Concourse Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) bersempena dengan Minggu Kesihatan Fizikal, Rohani dan Mental. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



ANTARA aktiviti yang mengambil tempat semasa Sukan Ria Keluarga 2025 bertempat di Kawasan Lapang Tamu Muafakat, Kampung Long Mayan anjuran Majlis Perundingan Mukim Ukong. - Foto : Azmah Haji Ahad.



AKSI perlawanan Kejohanan Badminton Peringkat Akhir antara jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawah Kementerian Kesihatan bertempat di Dewan Riadah, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan. - Foto : Nurdiyanah Rajami.

# MAJLIS PENUTUP DIKIR MAULUD DI MASJID SULTAN SHARIF ALI

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**





**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Putat hadir pada Majlis Penutup Dikir Maulud sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi (atas dan atas kanan).**

**SENGKURONG**, Ahad, 7 September. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong, Belia Syababul Iman dan Jama'ah Muslimah Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong lewat petang tadi mengadakan Majlis Penutup Dikir Maulud sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di masjid berkenaan, di sini.

Hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Dikir Assalamualaika dan Khairuman.

Acara diteruskan lagi dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, disusuli dengan bacaan Dikir Bisyahrin, Alhamdu, Badat dan Marhaban.

Ia kemudiannya diakhiri dengan bacaan Doa Dikir dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir, Pasukan Dikir Lelaki terdiri daripada Pasukan Dikir Pejabat Hal Ehwal Masjid Daereh Brunei Dan Muara, Pasukan Dikir Penghulu Mukim Sengkurong serta Ketua-ketua Kampung di bawah Mukim Sengkurong, Pusukan Dikir Khairul Insan, Pasukan Mantan Pegawai Kastam dan Eksais Diraja, Pasukan Dikir Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Pasukan Dikir Burong Pingai Ayer.

Manakala Pasukan Dikir Perempuan pula ialah Pasukan Dikir Badan Ugama, Kebajikan Wanita dan Belia Sengkurong 'A', Pasukan Dikir Sengkurong 'B' dan Pasukan Dikir Muslimah Kampung Tanjong Nangka.

Majlis antara lain diadakan bagi menandakan berakhirnya Majlis Dikir Maulud selama 12 malam berturut-turut, selain untuk menunjukkan tanda kecintaan dan kerinduan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan mencontohi serta mentauladani keperibadian Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian selaku seorang Muslim.

# Wanita Iban pilih Islam sebagai pegangan hidup



**MAJLIS Pengislaman Dayang Valenvina Rina anak Robin di hadapan pegawai dari Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 September. - Seorang wanita berbangsa Iban memilih agama Islam sebagai pegangan hidupnya dan melafazkan dua kalimah syahadah pada Majlis Pengislaman yang diadakan di Kampung Tanjong Nangka, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Penolong Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong.

Majlis ini bertujuan untuk meraikan dan menyambut saudara baharu ke dalam keluarga Islam serta memperkukuh semangat ukhuwah dan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah sebagai tanda kesyukuran, diikuti dengan lafaz ikrar pengislaman serta dua kalimah syahadah oleh Dayang Valenvina Rina anak Robin, berusia 19 tahun, di hadapan pegawai dari Bahagian Pengembangan Da'wah, PDI.

Beliau memilih nama Islamnya sebagai Nor Shahrina binti Abdullah Robin.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada saudara baharu yang diraikan, kemudian diserikan lagi dengan Dikir Marhaban serta taburan bunga rampai.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Selamat bagi memohon keberkatan dan kesejahteraan saudara baharu dalam memulakan kehidupan berlandaskan ajaran Islam.

Sejak awal Januari hingga 31 Ogos 2025, seramai 173 orang telah memeluk agama Islam di negara ini. 84 orang adalah daripadanya adalah dari Daerah Brunei dan Muara.

Perkembangan ini mencerminkan keberkesanan usaha dakwah yang berterusan serta sokongan masyarakat terhadap individu yang memilih Islam sebagai jalan hidup yang baharu.

# Program Sehari Bersama Pemimpin Muda 2025 serlah kemahiran kepimpinan

**Berita dan Foto : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**GADONG,** Ahad, 7 September. - Seramai 39 Ahli Pemimpin Muda dan Pandu Puteri Ranjer dari Unit Pemimpin Muda Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Unit Pemimpin Muda Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB), Pasukan Pandu Puteri Ranjer Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan Pasukan Pandu Puteri Ranjer Pusat Tingkatan Enam, Meragang menyertai Program Sehari Bersama Pemimpin Muda 2025 yang diadakan di Auditorium UNISSA, hari ini.

Program pada tahun ini adalah ungkayahan bersama Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) dan Unit Pemimpin Muda UNISSA.

Dengan membawa tema 'Menanam Nilai, Mencalak Pemimpin', program ini diadakan bertujuan bagi meningkatkan kesedaran tentang peranan dan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin berakhlak mulia, selain mengasah kemahiran kepimpinan melalui aktiviti yang melibatkan komunikasi, kerjasama dan penyelesaian masalah.

Dalam masa yang sama, program juga dihasrat untuk menerapkan nilai-nilai murni Islam dalam setiap aspek kepimpinan dan kehidupan seharian serta menggalakkan kreativiti dan daya cipta dalam merancang kempen serta aktiviti berkumpulan.

Sehubungan itu, Majlis Penutup Program berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UNISSA, Dr. Norashikin binti Yusof. Juga hadir Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini.

Dalam ucapannya pada majlis tersebut, Presiden Pemimpin Muda PPPBD, UNISSA, Dayang Arifah binti Mohammad Aliwaridi selaku Pengerusi Bersama Program menyatakan, hari ini mereka bukan sekadar menimba ilmu tentang kepimpinan, tetapi juga berpeluang untuk merasai pengalaman praktikal melalui aktiviti, menguji keberanian, kerjasama, kreativiti dan disiplin. Inilah nilai sebenar seorang pemimpin.

"Saya ingin mengingatkan bahawa kepimpinan bukan hanya tentang memimpin orang lain, tetapi bermula dengan memimpin diri sendiri iaitu mengurus masa, mengawal emosi, menjaga akhlak, dan berani membuat keputusan.

"Semoga pengalaman pada hari ini memberi inspirasi kepada kita semua untuk terus berkembang, berkhidmat kepada masyarakat, serta menjadi pemimpin yang membawa manfaat kepada agama, bangsa dan negara," tambahnya.

Acara kemuncak majlis ialah penyampaian sijil penghargaan dan hadiah kepada peserta-peserta program oleh tetamu kehormat majlis.

Program Sehari Bersama Pemimpin Muda 2025 diisikan dengan pelbagai aktiviti menarik, mencabar dan bermanfaat untuk merangsang perkembangan kemahiran kepimpinan ahli-ahli yang terlibat.



**MAJLIS Penutup Program berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Norashikin binti Yusof.**

Program dimulakan dengan aktiviti pengenalan atau *ice-breaking* di mana Ahli-ahli Pemimpin Muda dan Pandu Puteri Ranjer akan didedahkan kepada amalan beraktiviti atau bekerjasama dalam kumpulan kecil yang merupakan salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kepanduan.

Selain itu, ada lima lagi aktiviti yang dijalankan iaitu 'Situasi dan Solusi', 'Explorace', 'Leadership Maze - Cabaran Kepimpinan', 'Reka Kempen Komuniti' dan 'EcoPreneur Challenge'.

Program turut diselitkan dengan Sesi Kongsi Sama 'Jeju Forum Young Leaders Program' oleh salah seorang Ahli Unit Pemimpin Muda UNISSA.

# PPNBD ANJUR MAJLIS PENUTUP DIKIR





**KETUA Pesuruhjaya, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Skip Haji Junaidi bin Hussin hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (atas dan kiri).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam**

**BERIBI**, Sabtu, 6 September. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Bahagian Keugamaan PPNBD mengadakan Majlis Penutup Dikir bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah yang diadakan di Balai Ibadah Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ketua Pesuruhjaya, PPNBD, Skip Haji Junaidi bin Hussin.

Hadir bagi sama-sama menyemarakkan majlis tersebut ialah Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Skip Leftenan Kolonel (B) Ramli bin Abdul Hadis dan Ahli-ahli Majlis Pengakap Kebangsaan, Pesuruhjaya - pesuruhjaya, Pemimpin Pengakap, Ahli-ahli Pengakap Dewasa serta Ahli-ahli pengakap yang terdiri daripada Pengakap Muda, Pengakap Remaja dan Pengakap Kelana.

Majlis didahului dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan disusuli dengan persembahan dikir yang merupakan acara tahunan bagi menyemarakkan 12 malam bulan Rabiulawal. Sebelumnya Majlis Dikir telah diadakan selama 11 hari di Balai Ibadah PPNBD.

Majlis tersebut merupakan aktiviti keagamaan yang dijalankan setiap tahun sebagai tujuan perpaduan dan kekeluargaan Ahli-ahli PPNBD sebagai usaha yang berterusan untuk melibatkan para belia dalam sama-sama menyemarakkan Sambutan Maulidur Rasul seterusnya menanamkan perasaan cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.






# Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' anjur Sambutan Maulidur Rasul



**BIRO Wanita Majlis Perundingan Kampung Sengkurong 'B' melalui inisiatif Jawatankuasa Tertinggi berserta ahli-ahlinya mengadakan Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**JERUDONG**, Sabtu, 6 September. - Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkurong 'B' melalui inisiatif Jawatankuasa Tertinggi berserta ahli-ahlinya sebagaimana lazimnya pada setiap tahun, mengadakan Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam pada setiap bulan Rabiulawal yang bermula pada 1 Rabiulawal hingga 12 Rabiulawal Tahun Hijrah.

Pembukaan Majlis Sambutan Maulidur Rasul telah diadakan di Balai Ibadat Baitul-Mal Kampung Selayun, Sengkurong 'B' pada Isnin, 1 Rabiulawal 1447H bersamaan 25 Ogos 2025 Masihi yang lalu.

Sehubungan itu, Majlis Penutup Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam telah berlangsung di Restoran Jeruton, di sini.

Majlis juga diselajurkan dengan Majlis Membaca Doa Peperiksaan untuk keluarga ahli yang akan menduduki peperiksaan tahun 2025 dan Majlis Penghargaan Kepada Ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' yang telah mencapai usia 70 tahun.

Hadir pada majlis berkenaan, Penasihat Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', Datin Hajah Rohanie binti Haji Ahmad; isteri Pemangku Ketua Kampung Sengkurong 'B', Dayang Lauyah binti Haji Mohammad; Pengerusi Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', Dayang Hajah Rukiah binti Haji Mohammad Yassin; Timbalan Pengerusi Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', Dayang Hajah Azizah binti Haji Mirasan; dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi serta Ahli-ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B'.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, diikuti dengan Selawat At-Tafrijiyyah dan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Dayang Hajah Kahidah binti Haji Salat.

Kemudian, majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' selaku Pengerusi Majlis, disusuli dengan persembahan dikir, dan disudahi dengan Doa Dikir yang dibacakan oleh Dayang Hajah Rahimah binti Abad.

Setelah itu, majlis diikuti dengan membaca Doa Peperiksaan yang dipimpin oleh Dayang Lauyah binti Haji Mohammad.

Majlis diteruskan dengan memotong pulut kuning diiringi dengan Selawat Badriyah dan disusuli dengan penyampaian cenderamata dan sijil kepada ahli-ahli yang mencapai usia 70 tahun pada 1447H / 2025M.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Dayang Hajah Kahidah.

Seramai dua Ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' yang telah mencapai usia 70 tahun diraikan pada majlis berkenaan, iaitu Datin Hajah Rohanie; dan Dayang Hajah Kahidah. Majlis penghargaan serupa berkenaan diadakan pada setiap tahun kepada ahli yang mencapai usia 70 tahun pada tahun berkenaan.

Antara tujuan majlis-majlis berkenaan diadakan adalah untuk mengambil iktibar dan memperingati sirah perjuangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang penuh dengan pengajaran dan pengorbanan bermati-matian demi menegakkan syiar Islam di bumi Allah Subhanahu Wata'ala di samping memperingati tarikh kelahiran Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

Hal berkenaan sudah menjadi fitrah manusia bahawa memperingati tarikh kelahiran seseorang adalah tanda kita mengasihi kehidupannya.

Selain itu, ia juga diadakan sebagai dorongan dan sokongan kepada anak-anak dan cucu-cucu ahli, supaya mempunyai keyakinan diri semasa menghadapi peperiksaan kerana merasakan mereka disayangi dan diambil berat oleh keluarga mereka serta sentiasa mendapat keberkatan dan berjaya dalam peperiksaan.

Majlis juga diadakan sebagai apresiasi kepada ahli yang telah mencapai usia 70 tahun yang telah sama-sama bertungkus-lumus dalam mencurahkan tenaga, kerjasama dan berkongsi kegembiraan, serta jerih payah dalam mengukuhkan dan memantapkan lagi perkumpulan berkenaan.

Selain itu juga untuk meningkatkan motivasi kerjasama yang lebih baik secara berkumpulan dalam setiap projek atau program yang dirancang oleh setiap bahagian dalam Biro Wanita MPK Sengkurong 'B'.

# Ujian saringan Tuberkulosis bermula 8 September 2025

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 September. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar (JPKAS), Kementerian Kesihatan akan menjalankan saringan Tuberkulosis (TB) bermula pada 8 September 2025, bertempat di Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong.

Saringan TB berkenaan memberi manfaat kepada individu-individu yang berisiko kerana pengesanan dan rawatan awal boleh mencegah penyakit TB dan mengurangkan masalah kesihatan serius.

Selain itu, ia juga selaras dengan 'The WHO End TB Strategy', pelan yang mula dilaksanakan pada 2014 untuk menghapuskan wabak TB secara keseluruhan menjelang tahun 2035.

Individu yang layak menjalani saringan aktif TB ialah individu yang berusia 65 tahun dan ke atas, tinggi gula dalam darah dan menjalani rawatan dialysis.

Manakala, individu yang dikecualikan ialah individu yang pernah menjalani ujian X-ray kurang daripada tempoh setahun dan yang mempunyai komplikasi apabila terdedah kepada X-ray.

Orang ramai boleh mengakses maklumat mengenai dengan saringan TB berkenaan dengan mengimbas Kod QR yang dilampirkan.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di Instagram *@mohbrunei*, Talian Darussalam 123 atau menghubungi Unit Koordinasi TB, Pejabat Kesihatan Daerah Temburong menerusi talian +673 5221280.

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI



# ڤتا دنيا ڤيري ريس: ميڠكڤ ميستري دنيا لاما دان بهارو

Oleh : Nurlina Shazlina Haji Ali dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Mohammad Rafie Haji Roslan dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

ڤيري ريس، اتاو نام ڤنوهڽ حاجي محيى الدين ڤيري بن حاجي محمد، دلاهيركن سكيتر تاهون ١٤٦٥ هيڠڬ ١٤٧٠ دكليبولي، سبواه بندر ڤنتاي يڠ اينده دڤسيسير لاٴوت مرمرة. بندر اين كمودين منجادي ڤڠكالن تنترا لاٴوت دان ڤوست ڤنتدبيرن ڤنتيڠ باڬي ايمڤاير عثمانية. نام ڤيري ممباوا مقصود سأورڠ يڠ ماهير اتاو ڬورو، مانكالا ريس برمقصود كڤتن اتاو لقسامان دالم بهاس توركي عثمانية، يڠ منچرمينكن كدودوقنڽ دالم اڠكتن لاٴوت.

ڤيري ريس دكنلي سباڬاي سأورڠ كرتوڬرافر، ڤلاٴوت، نخودا دان اهلي ڬيوڬرافي توركي يڠ مشهور، تراوتامڽ كران دوا ڤنچاڤاين اوتام؛ ڤراننڽ يڠ ڤنتيڠ دالم ڤركمبڠن علمو ڤمتاٴن دان ڤڠحاصيلن ببراڤ كاريا كرتوڬرافي يڠ سيڬنيفيكن، خصوصڽ كتاب بحرية (كتاب ڤلايرن).

سجق كچيل، ڤيري ريس تله بكرجا سباڬاي ڤلاٴوت دأتس كاڤل ميليق باڤ ساوداراڽ، كمال ريس، سأورڠ ڤلاٴوت تركنل ڤد زمان ايت. كمال ريس منجادي ڤمبيمبيڠ اوتام دالم سموا ڤڠمباراٴن ماريتيم ڤيري ريس سلاما ١٤ تاهون برايكوتن، يڠ مڤسيكن ڤڠليبتن بلياو دالم ڤلباڬاي ايكسڤديسي دلاٴوت ميديترنايان. ڤڠالمن بلياو سباڬاي ڤنجلاجه دان ڤرويرا لاٴوت اينله يڠ منجادي اساس كڤاكرن ڤيري ريس دالم بيدڠ كرتوڬرافي دان ناويڬسي سهيڠڬ سكيتر تاهون ١٥٠٠م.

ڤد زمان ڤمرينتاهن سلطان بايزيد كدوا (١٤٨١–١٥١٢م)، بڬيندا براوسها ممڤركوكوه ككواتن تنترا دارت دان لاٴوت ايمڤاير عثمانية. بڬيندا تله مڠڬيل كمال ريس اونتوق ميرتاٴي ارمادا لاٴوت عثمانية. كاڤل ميليق كمال ريس تله دڬوناكن اونتوق ممباوا اومت إسلام مرنتسي افريكا دان ڤيري ريس توروت سرتا دالم اوڤراسي اين.

ڤد تاهون ١٥١١م، سلڤس كماتين باڤ ساوداراڽ، ڤيري ريس كمبالي ككليبولي اونتوق منومڤوكن ڤرهاتين ڤد كرجا٢ ڤمتاٴن. حاصيل تراولوڠ بلياو اياله ڤتا دنيا تاهون ١٥١٣م يڠ دلوكيس دأتس كوليت روسا. ڤتا اين دحاصيلكن مڠڬوناكن سكوريڠ- سكورڠڽ ٢٠ سومبر ڤتا، ترماسوق ميليق كريستوفر كولومبوس.

ڤتا ترسبوت ممڤوڽاٴي نيلاي لوار بياسا اتس تيڬ سبب اوتام. ڤرتام، اي مروڤاكن ڤتا توركي ڤاليڠ اول يڠ دكتاهوٴي يڠ مندكومنتاسيكن دنيا بهارو. ببراڤ كرتوڬرافر تله چوبا منتوكن باڬايمان ڤتا٢ تردهولو موڠكين ممڤڠاروهي ڤتا ڤيري ريس تاهون ١٥١٣م. كدوا، ڤتا اين مروڤاكن ساله ساتو ڤتا ترتوا يڠ ماسيه وجود يڠ مماڤركن بهاڬين تيمور بنوا اميريكا سرتا بهاڬين بارت بنوا افريكا دان سمننجوڠ إيبيريا دان كتيك، اي دڤرچاياٴي سباڬاي ريكود ترتوا يڠ كيت ميليقي هاري اين مڠناٴي ڤتا كولومبوس يڠ تله هيلڠ. حال اين دسبوت دالم ساله ساتو چاتتن ڤيڠڬير ڤد ڤتا لقسامان ترسبوت دان كمودين جوڬ دالم كتاب بحرية.

كتاب بحرية اين ممڤوڽاٴي دوا بهاڬين اوتام؛ بهاڬين ڤرتام مڠاندوڠي معلومت تنتڠ جنيس ريبوت، تيكنيك ڤڠڬوناٴن كومڤاس، چرتا ڤورتولن دڠن ڤرينچين مڠناٴي ڤلابوهن دان ڤنتاي، قاعده منتوكن اره مڠڬوناكن بينتڠ، سرتا چيري اوتام لاٴوتن دان تانه سكليليڠڽ. بهاڬين كدوا ڤولا ترديري درڤد چرتا ڤورتولن دان ڤندوان ڤلايرن، دڠن ستياڤ توڤيك دسرتاٴي اوليه ڤتا سبواه ڤولاو اتاو ڤنتاي.

ڤد تاهون ١٥٤٧م، ڤيري ريس تله دناٴيقكن كڤڠكت لقسامان (ريس) سباڬاي كومندر ارمادا عثمانية دلاٴوتن هيندو دان ارمادا مصر، دڠن ايبو ڤجابتڽ دسويس. نامون، ڤد تاهون ١٥٥٣م، بلياو دحكوم بونوه دقاهرة عقيبة كيمڤين كتنتراٴن يڠ كورڠ برجاي دهرمز. كتيك ايت، بلياو برعمور لبيه كورڠ ٨٢ تاهون. سباڬاي ڤڠحرمتن كڤد جاسڽ، ببراڤ كاڤل ڤرڠ دان كاڤل سلم تنترا لاٴوت توركي تله دناماكن سمڤنا نام بلياو.

ڤيري ريس بوكن سقدر سأورڠ لقسامان اتاو اهلي كرتوڬرافي، تتاڤي جوڬ توكوه يڠ مڠهوبوڠكن واريثن ماريتيم توركي عثمانية دڠن دنيا لوار ملالوٴي كاريا اڬوڠڽ. سومبڠن بلياو، خصوصڽ دالم كتاب بحرية يڠ بوليه دداڤتي دكباڽقن ڤرڤوستاكاٴن دان موزيوم دسلوروه دنيا سرتا ڤتا دنيا يڠ تركنل، تله ممبوك جنديلا بهارو ترهادڤ ڤماهمن ڬيوڬرافي دان تيكنيك ڤلايرن ڤد زمانڽ. كتليتين، كبرانيان دان ڤندڠن جاٴوه بلياو منجادي اينسڤيراسي بوكن سهاج كڤد ڤارا ڤلاٴوت، تتاڤي جوڬ كڤد علمون دان ڤنچينتا سجاره. مسكيڤون برابد تله برلالو، نام ڤيري ريس تروس ترڤاهت سباڬاي سيمبول ككميلڠن علمو دان ڤنجلاجاهن ماريتيم دنيا إسلام.



# Budaya 'memucang-mucang' cerminkan semangat perpaduan

**Oleh : Nur Alya Irdina Haji Madali, Penempatan Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam di Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**GOTONG**-royong atau lebih dikenali dalam kalangan masyarakat Brunei sebagai *memucang-mucang* merupakan amalan saling bantu-membantu dan bekerjasama dalam melaksanakan pelbagai aktiviti berkebajikan. Amalan ini telah lama berakar umbi dan telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat Brunei. Budaya *memucang-mucang* ini sering dilaksanakan dalam pelbagai acara antaranya seperti majlis perkahwinan, majlis tahlil sambutan Hari Raya Aidiladha dan sebagainya. Amalan *memucang-mucang* bukan sahaja mencerminkan semangat perpaduan dan nilai murni yang diwarisi turun-temurun, tetapi, ia mengukuhkan adat resam dan kebudayaan Melayu yang menjadi asas kepada identiti masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

### *Memucang-mucang* kukuhkan hubungan

Masyarakat Brunei terkenal dengan sikap *berdangsanak* dari dulu lagi, yang mana sanak-saudara dan jiran tetangga akan sentiasa bertolong-tolongan sama ada ketika waktu suka mahupun duka. Ini menunjukkan betapa eratnya hubungan kekeluargaan dan kejiranan.

Aktiviti *memucang-mucang* ini sebenarnya dapat menjalinkan dan memperkukuhkan semangat kejiranan dan mengeratkan hubungan antara satu sama lain. Kehidupan masyarakat sekarang kebanyakannya bertunjangkan materialistik dan bersikap 'tertutup' sehingga tidak mempunyai masa untuk mengenali dan berbual-bual dengan jiran masing-masing. Justeru melalui aktiviti *memucang-mucang,* jiran-jiran tanpa mengira perbezaan bangsa dan agama akan bersama-sama menjalankan aktiviti yang sama. Setentunya hubungan seperti ini akan lebih mengukuhkan ikatan ukhuwah sesama jiran.

Ini dapat kita lihat suatu ketika dahulu, yang mana apabila berlangsungnya majlis perkahwinan, seluruh ahli keluarga dan jiran tetangga akan menghulurkan bantuan seperti kaum lelaki bersama-sama mencari kayu di hutan untuk membina 'teratak' dan mengangkat-angkat barang, manakala, kaum wanita terutama orang-orang tua yang berpengalaman akan memasak pelbagai juadah makanan termasuk kuih-muih, membersihkan pinggan dan cawan. Sanak saudara lainnya akan menyiapkan persiapan lain seperti bunga telur sebagai cenderahati, bunga rampai dan sebagainya. Penglibatan semua pihak ini bukan sahaja meringankan beban tuan rumah, malah menguatkan lagi ikatan sesama keluarga dan jiran. Amalan ini secara langsung mengukuhkan elemen kemelayuan dalam konsep Melayu Islam Beraja.

Semangat *memucang-mucang* lebih terserlah ketika Hari Raya Aidiladha atau Raya Korban. Kebiasaannya, beberapa hari sebelum Hari Raya Aidiladha, ahli keluarga dan sanak saudara yang tinggal jauh atau di luar daerah akan berkumpul dan bermalam di rumah ahli keluarga yang mengadakan Raya Korban. Masyarakat saling bahu-membahu dalam mempersiapkan majlis ibadah korban. Kaum wanita akan menyediakan bahan-bahan masakan dan memasak pelbagai jenis juadah di malam hari sebelum Hari Raya Korban berlangsung. Manakala, kaum lelaki pula akan menyediakan peralatan dan tempat-tempat khas untuk memotong dan melapah daging korban. Ahli keluarga akan bekerjasama dan membahagikan tugas, ada yang memotong daging dan ada yang menimbang daging untuk dibahagi-bahagikan termasuklah kepada jiran. Semangat *memucang-mucang* ini telah mencerminkan ukhuwah sesama ahli keluarga dan jiran.

Kesepakatan membawa berkat. Aktiviti *memucang-mucang* juga sering dapat dilihat ketika dalam bulan puasa di mana aktiviti membersihkan kawasan perkuburan orang Islam sering dilakukan. Selain menjaga kebersihan, ikatan persaudaraan antara keluarga dan juga jiran sekampung jelas tersimpul kukuh dengan melakukan kerja-kerja amal tersebut bersama-sama.

### Cabaran dan Perubahan

Walaupun begitu, amalan *memucang-mucang* dalam majlis-majlis atau aktiviti tertentu sudah berkurangan. Ia dapat dilihat melalui perubahan gaya hidup dan kemajuan teknologi. Pada masa kini, pelbagai perkhidmatan telah disediakan antaranya khidmat katering, ada yang menjual kuih-muih secara dalam talian dan sewa khemah atau kem telah mengurangkan keperluan untuk bergotong-royong. Sebahagian individu lebih memilih untuk menggunakan perkhidmatan ini kerana ia lebih cepat dan mudah berbanding menguruskannya sendiri. Walaupun begitu, masih ada yang lebih suka dan selesa untuk menyediakan juadah masakan sendiri daripada menggunakan khidmat katering. Ia bergantung kepada kemampuan ekonomi dan kudrat masing-masing.

Selain itu, kesibukan kerja telah mengehadkan keterlibatan individu terutama dalam majlis-majlis kekeluargaan disebabkan oleh kekangan masa dan ada yang tidak dapat cuti dari bekerja, jadi semangat *memucang-mucang* semakin pudar. Ini berbeza dengan masa dulu, yang mana masyarakat mempunyai waktu yang fleksibel dan masa lapang untuk turun bergotong-royong apabila adanya majlis-majlis di rumah sanak saudara atau rumah jiran tetangga. Kini, generasi muda sibuk dengan bermain *gadget* daripada bersosial dan membantu sanak saudara, malah menyebabkan nilai *berdangsanak* dan sikap tolong-menolong semakin menghilang.

Perpaduan, sikap *berdangsanak* dan tolong-menolong yang terjalin melalui aktiviti *memucang-mucang* adalah sesuatu yang tidak ternilai. Banyak perbezaan yang boleh kita lihat pada masa kini dengan masa dulu. Oleh itu, setiap individu perlu mengambil peranan penting dalam mempertahankan budaya *memucang-mucang* agar ia kekal relevan untuk generasi akan datang serta sikap *berdangsanak* tidak terhapus ditelan peredaran zaman.



# MENGENAL PASTI ELEMEN JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei





**UNIT Siasatan Pemerdagangan Manusia dari Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei semasa mengadakan taklimat jerayawara mengenai Jenayah Pemerdagangan Orang (Trafficking in Persons) kepada 19 petugas barisan hadapan yang terdiri daripada kakitangan Higher Hotel, Kiulap (atas dan kanan).**

**KIULAP**, Sabtu, 6 September. - Dalam usaha mempertingkatkan kesedaran dan inisiatif membanteras jenayah pemerdagangan orang di Negara Brunei Darussalam (NBD), Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia (USPM) dari Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini memberikan taklimat jerayawara mengenai Jenayah Pemerdagangan Orang (Trafficking in Persons) kepada 19 petugas barisan hadapan yang terdiri daripada kakitangan Higher Hotel, Kiulap.

Objektif utama taklimat berkenaan adalah untuk memberikan pengetahuan dan pemahaman yang lebih mendalam dan terperinci agar dapat mengenal pasti elemen-elemen dan indikasi mangsa yang berpotensi terlibat di dalam jenayah pemerdagangan orang di NBD.

Pengetahuan dalam mengenal pasti tetamu yang berpotensi menjadi mangsa pemerdagangan orang melalui identifikasi seperti kelakuan yang mencurigakan, berlakunya pertengkaran atau serangan fizikal yang menyebabkan kecederaan, meminta pertolongan menggunakan isyarat atau mempunyai ciri-ciri tingkah laku yang aneh, adalah disarankan untuk menjadi salah satu kepentingan para petugas kakitangan hotel.

Antara maklumat yang telah dikongsikan dalam taklimat berkenaan adalah fungsi dan peranan USPM, *case study* bagi kes-kes pemerdagangan orang yang telah berjaya dihadapkan ke muka pengadilan yang memenuhi semua indikasi unsur-unsur pemerdagangan orang yang telah disiasat oleh USPM semenjak tertubuhnya unit berkenaan pada 16 Ogos 2011.

Taklimat sampaikan oleh pegawai berserta anggota-anggota di USPM.




# Ketahui kelebihan menderma darah



**DERMA** darah merupakan satu amalan mulia kerana darah yang diderma boleh menyelamatkan nyawa seseorang yang memerlukannya. Amalan derma darah dapat memupuk nilai murni dalam diri dan boleh dijadikan sebagai tanggungjawab sosial.

Kelebihan derma darah terhadap kesihatan.

1. **Mengurangkan risiko serangan jantung**

a. Menurut kajian daripada Jurnal Epidemiologi Amerika, menderma darah sekurang-kurangnya sekali setahun boleh mengurangkan 88 peratus risiko serangan jantung.

b. Menderma darah secara teratur mengekalkan tahap *iron* dalam kawalan. *Iron* adalah unsur penting untuk badan berfungsi dengan baik, tetapi *iron* yang berlebihan boleh mengakibatkan kerosakan oksidatif yang boleh menyebabkan serangan jantung. Apabila awda menderma darah dengan kerap, regenerasi darah berlaku dengan lebih cepat dan pengoksidaan kolesterol menjadi lebih perlahan.

c. Di samping itu, aliran darah lebih lancar selepas didermakan dan boleh menghalang pengumpulan lemak dan kolesterol pengoksidaan di dinding arteri koronari. Ini dapat mengurangkan risiko penyakit jantung koronari.

2. **Mengurangkan risiko kanser**

a. *Iron* yang berlebihan dalam badan juga dikaitkan dengan peningkatan risiko kanser.

3. **Meningkatkan peredaran dan pengaliran darah**

a. Darah yang pekat tidak mengalir dengan baik menjadikannya lebih sukar untuk membawa oksigen ke pelbagai tisu di dalam badan awda. *Hypercoaguable* (ketidaknormal pembekuan darah yang meningkatkan risiko trombosis) juga dikaitkan dengan peradangan kronik yang boleh menyebabkan banyak masalah kesihatan serius seperti kanser, penyakit jantung dan diabetes. Di samping itu, apabila darah awda terlalu pekat, ia meningkatkan geseran antara darah dan lapisan saluran darah. Ini boleh menyebabkan kerosakan pada lapisan saluran darah dan akhirnya membawa kepada penyakit jantung.

b. Apabila awda menderma darah, ia mengurangkan kelikatan darah dan membantu meningkatkan aliran darah. Ini mengurangkan potensi kerosakan pada saluran darah dan membantu mengurangkan kemungkinan penyumbatan arteri.

4. **Membakar kalori**

a. Menurut Universiti California, San Diego, seseorang membakar kira-kira 650 kalori dalam setiap satu pain darah yang didermakan. Ini boleh membantu awda dalam mengawal berat badan, walaupun penting untuk awda minum banyak cairan dan makanan ringan selepas menderma darah.

b. Seorang penderma yang menderma darah secara kerap boleh kehilangan berat badan yang besar, tetapi ia tidak sepatutnya dianggap sebagai pelan penurunan berat badan.

5. **Pemeriksaan kesihatan percuma**

a. Sebelum menderma darah, awda perlu mendapatkan pemeriksaan kecil daripada profesional perubatan bagi menentukan sama ada awda berada dalam keadaan baik. Semasa pemeriksaan ini, beberapa faktor kesihatan akan diperiksa termasuk kiraan hemoglobin dan tekanan darah. Selain itu, darah awda juga akan diuji untuk penyakit berjangkit seperti sifilis, hepatitis B dan C dan HIV.

b. Di samping itu, penderma darah melalui 'pemeriksaan kesihatan mini' sebelum menderma. Setiap penderma darah melalui beberapa siri pemeriksaan kesihatan termasuk semakan nadi dan degupan jantung; pengukuran suhu badan; ujian tekanan darah dan ujian Haemoglobin.

c. Pemeriksaan kecil ini bukan pengganti untuk rawatan perubatan biasa tetapi ia memberi awda peluang untuk mendaftar dengan statistik kesihatan awda. Jika awda diluluskan untuk menderma darah, itu bermakna keadaan kesihatan baik.

**Menyatukan sesama insan**

Inilah sebab paling utama untuk menderma darah bahawasanya ia mengingatkan kita bahawa sesungguhnya kita semua adalah sama. Kepelbagaian budaya dan perbezaan sosial bukanlah menjadi satu faktor apabila berhadapan dengan kecemasan, terutamanya yang melibatkan rawatan perubatan. Dengan menderma darah, kita dapat menyelamatkan nyawa tanpa mengira agama, budaya dan juga boleh dianggap sebagai suatu sedekah dan terdapat pahala dalam bersedekah.

# NAURU ALU-ALUKAN INISIATIF TADBIR URUS GLOBAL YANG DICADANGKAN OLEH CHINA



**FOTO yang diambil pada 20 Januari 2024 ini menunjukkan pemandangan pantai Republik Nauru.**

**SYDNEY**, 7 Sept. - Nauru berkata pada Jumaat "sangat mengalu-alukan" Inisiatif Tadbir Urus Global (GGI) yang dicadangkan oleh China awal bulan ini semasa Mesyuarat 'Shanghai Cooperation Organization (SCO) Plus'.

Negara kepulauan Pasifik itu berkata ia berdiri teguh bersama China dalam memperjuangkan prinsip kesaksamaan berdaulat, multilateralisme dan kerjasama antarabangsa inklusif yang menyokong 'inisiatif tepat pada masanya'.

"Kami berharap dapat bekerjasama dengan China dan rakan kongsi lain dalam memajukan masa depan bersama untuk manusia, melalui tadbir urus global yang saksama dan berorientasikan tindakan," katanya. - ©XINHUA

# Pendekatan pengurusan krisis proaktif Malaysia bentuk semula skop pemusatan ASEAN

**KUALA LUMPUR**, 6 Sept. - Pendekatan pengurusan krisis proaktif Malaysia sedang membentuk semula skop pemusatan ASEAN serta membuka ruang lebih besar bagi autonomi serantau di tengah-tengah persaingan kuasa besar yang semakin sengit.

Dalam ulasan oleh Profesor Madya Pusat Pengajian Indo-Pasifik, Universiti Jawaharlal Nehru, New Delhi, Dr. Rahul Mishra dan penyelidik Universiti Malaya, Asma Rassy, penganalisis berkenaan menyatakan kejayaan Malaysia menjadi orang tengah dalam pertikaian sempadan Thailand-Kemboja menandakan titik perubahan dalam diplomasi ASEAN, yang berpotensi diperkukuh lagi jika krisis Myanmar dapat diurus dengan berkesan.

"Cabaran Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 adalah untuk menyuntik amalan ini ke dalam mekanisme institusi yang diterajui ASEAN. Sejauh mana kemahiran dan keberkesanan Malaysia menangani isu Myanmar akan menentukan kepimpinan masa depan negara dalam ASEAN serta peranan Pengerusi ASEAN," menurut mereka.

Pada 28 Julai, Putrajaya mengejutkan rantau ini apabila berjaya menjadi perantara kepada gencatan senjata segera tanpa syarat antara Kemboja dan Thailand, dengan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim secara peribadi menjemput Perdana Menteri Kemboja Hun Manet dan bekas pemangku Perdana Menteri Thailand Phumtham Wechayachai ke Putrajaya, dan memujuk kedua-dua pemimpin untuk menghentikan pertempuran di sepanjang sempadan sejauh 817 kilometer.

Walaupun hasil segera adalah bantuan kemanusiaan, para akademik berkata kepentingan lebih luas terletak pada transformasi kepengerusian ASEAN oleh Malaysia menjadi peranan pengurusan krisis secara operasional - meskipun berdepan ancaman tarif Amerika Syarikat (AS) dan tekanan diplomatik senyap dari China.

"Penglibatan sejarah Malaysia di selatan Thailand menjadi bukti keupayaan negara memudah cara rundingan. Tidak seperti campur tangan ASEAN sebelum ini - yang kebiasaannya berbentuk simbolik dan berasaskan deklarasi - Malaysia mempelopori penggunaan pasukan pemerhati, kemas kini pematuhan, dan pelan gencatan senjata berstruktur yang boleh diakses kesemua 10 ibu negara Asia Tenggara," jelas mereka.

Apabila keganasan sempadan memaksa lebih 270,000 penduduk berpindah dan meragut puluhan nyawa, kata mereka, kerajaan perpaduan Malaysia bertindak dengan pantas, termasuk menghantar atase pertahanan dan mewujudkan Pasukan Pemantau ASEAN dalam tempoh beberapa hari.

"Daripada bergantung kepada komunike, Anwar mengemukakan rangka kerja gencatan senjata tiga perkara yang konkrit, disokong dengan pengesahan di lapangan. Ketelitian operasional ini mentakrifkan semula jangkaan terhadap pengerusi ASEAN, sekali gus meletakkan Malaysia sebagai hab pengurusan krisis *de facto* rantau ini," kata mereka.

Dengan menganjurkan kedua-dua pihak di Putrajaya, memudah cara perbincangan ketenteraan-ke-ketenteraan, menubuhkan pasukan pemantau interim yang disokong ASEAN dan bukannya entiti luar, serta mengintegrasikan pemantauan dalam struktur ASEAN, Malaysia melindungi proses itu daripada dominasi kuasa luar.

Kedua-dua ahli akademik itu berkata Malaysia meletakkan asas mediasi berpaksikan prinsip ASEAN dan mengendalikan rundingan di tanah air sendiri.

"Langkah ini bukan sahaja mengukuhkan pemusatan ASEAN malah melemahkan tuntutan pengaruh pihak luar. Dengan berbuat demikian, Malaysia bukan sahaja membuktikan kerelevanan operasional pemusatan ASEAN malah secara halus menolak pencerobohan kuasa besar dalam penyelesaian konflik serantau," kata mereka.

Dalam ulasan itu, mereka menyatakan mediasi Malaysia menekankan transformasi lebih luas dalam kepengerusian ASEAN: daripada sekadar penganjur majlis kepada penyelesai masalah secara operasional.

"Usaha perdamaian berterusan Malaysia menunjukkan bahawa pemusatan ASEAN tidak semestinya retorik - ia boleh diterjemahkan melalui mekanisme institusi yang kukuh, struktur akauntabiliti, serta pemantauan oleh rakan setara.

"Pendekatan operasional ini meningkatkan kerelevanan ASEAN dalam Indo-Pasifik yang semakin ditakrifkan oleh persaingan dan campur tangan," kata mereka.

Untuk mengukuhkan momentum ini, pakar berkenaan berkata Malaysia perlu memberi tumpuan kepada tiga keutamaan strategik: Pembinaan Kapasiti Teknologi, Pengukuhan Institusi, serta Pembingkaian Naratif dan Keneutralan Strategik.

Selama beberapa dekad, strategi Malaysia dalam mendepani politik kuasa besar bergantung pada sikap samar dan jarak seimbang antara Washington dan Beijing, yang membolehkan autonomi tanpa memaksa penjajaran yang rumit.

"Namun gencatan senjata Julai 2025 menandakan evolusi tegas. Peranan Malaysia sebagai perantara proaktif membuktikan bahawa isu serantau semasa memerlukan pendekatan institusi yang rasional, bukannya pengelakan pasif.

"Dengan menjemput kedua-dua AS dan China ke dalam kerangka pengurusan krisis - tetapi mengekalkan mereka dalam parameter yang ditakrifkan ASEAN - Anwar mengubah persaingan luar menjadi proses terkawal di bawah kepimpinan serantau," kata mereka.

Justeru, kata ahli akademik itu, Malaysia memainkan peranan kepimpinannya dengan membentuk secara halus peraturan keterlibatan dan mewujudkan mekanisme diplomasi yang konstruktif. - ©BERNAMA

# Lapangan Terbang Semarang sambung semula penerbangan terus ke Kuala Lumpur

**JAKARTA**, 6 Sept. - Penerbangan antarabangsa dari Lapangan Terbang Jenderal Ahmad Yani di Semarang, Jawa Tengah, disambung semula pada Jumaat dengan pelancaran semula perkhidmatan terus ke Kuala Lumpur, yang mendapat sambutan hangat daripada penduduk dan pengembara.

Laluan Kuala Lumpur-Semarang itu dikendalikan oleh AirAsia dan dilancarkan semula pada satu majlis yang dirasmikan oleh Timbalan Gabenor Jawa Tengah Taj Yasin Maimoen di balai berlepas antarabangsa lapangan terbang tersebut.

"Diharapkan perkhidmatan ini dapat membuka hubungan pelancongan dan perniagaan secara langsung ke Jawa Tengah, sekali gus merancakkan ekonomi tempatan," katanya menurut pejabat maklumat provinsi itu.

Status antarabangsa lapangan terbang berkenaan, yang sebelum ini digantung susulan COVID-19, telah dipulihkan oleh kerajaan provinsi di bawah dekri Kementerian Pengangkutan Indonesia KM 37/2025.

Seorang pengembara tempatan, Budi Nugroho, berkata beliau mengetahui mengenai penerbangan terus ke Kuala Lumpur melalui media sosial dan menghargai masa yang dapat dijimatkan.

"Kami mahu mencubanya kerana sebelum ini penerbangan perlu transit di Jakarta sebelum ke luar negara," kata Budi yang melakukan perjalanan bersama isteri dan dua anaknya.

Tiga rakan dari Semarang; Vina, Riyan dan Tika turut merancang percutian sebaik sahaja melihat berita itu dalam talian.

"Ia sangat baik; ini adalah harapan kami sejak pandemik," kata Vina.

Pelancong antarabangsa turut mengalu-alukan penyambungan semula itu, sambil menyatakan ia akan memudahkan perjalanan merentasi Asia Tenggara dan menggalakkan penginapan lebih lama.

"Saya telah berada di Jawa Tengah selama 10 hari, dan kini saya menuju ke Malaysia. Ini penting bagi pelancong kerana kami boleh melancong ke pulau-pulau dan meneruskan perjalanan dengan mudah," kata Guilian, seorang pelawat dari Barcelona. - ©BERNAMA

# Ancaman letupan, Mumbai dalam keadaan berjaga-jaga

**NEW DELHI**, 6 Sept. - Polis di ibu kota kewangan India, Mumbai diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga selepas menerima mesej WhatsApp yang mengugut akan berlaku puluhan letupan di seluruh bandar raya itu, menurut polis pada Jumaat, lapor Xinhua.

Mesej yang diterima pada Khamis itu mendakwa pengebom bunuh diri telah ditempatkan di dalam 34 kenderaan, dan ia akan menggegarkan seluruh bandar raya.

Pengirim mesej itu turut mendakwa seramai 14 pengganas telah memasuki Mumbai dan meletakkan 400 kilogram RDX di dalam kenderaan untuk diletupkan. Pegawai kanan polis, Anil Dashrathrao Kumbhare memberitahu media bahawa ugutan itu sedang disiasat.

Bandar raya itu kini sedang menyambut Anant Chaturdashi, perayaan Hindu selama 10 hari yang akan berakhir pada Sabtu dengan polis telah pun membuat persiapan keselamatan untuk jutaan penganut Hindu. - ©BERNAMA

# Bomba London berusaha padam kebakaran bangunan sembilan tingkat

**LONDON**, 6 Sept. - Kira-kira 100 anggota bomba sedang berusaha memadamkan kebakaran di sebuah bangunan bercampur sembilan tingkat di White City, London, lapor PA Media/dpa.

Briged Bomba London berkata 15 jentera bomba dikerahkan ke bangunan di Wood Lane, dengan api ketika ini merebak ke tingkat atas bangunan itu.

Wood Lane ditutup kepada lalu lintas dan orang ramai dinasihatkan supaya mengelakkan kawasan berkenaan.

Briged itu berkata laporan pertama mengenai kebakaran diterima sejurus selepas 3 pagi (0200 GMT) dan pasukan dari balai Hammersmith, North Kensington, Kensington, Chiswick serta kawasan sekitar telah digerakkan ke lokasi.

Dua tangga putar setinggi 32 meter digunakan sebagai menara air untuk membantu memadamkan kebakaran dari aras tinggi.

Punca kebakaran masih belum diketahui. - ©BERNAMA




# 10 PASUKAN BERSAING PADA KEJOHANAN BOLA JARING KEMENTERIAN KESIHATAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman




**PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan Majlis Pembukaan Kejohanan Bola Jaring antara Jabatan-jabatan dan Bahagian-bahagian di bawah Kementerian Kesihatan (atas). Manakala gambar bawah kanan, antara aksi yang dipaparkan pada pertandingan bola jaring tersebut.**

**TUTONG**, Ahad, 7 September. - Kementerian Kesihatan hari ini membuka tirai Kejohanan Bola Jaring antara Jabatan-jabatan dan Bahagian-bahagian di bawah Kementerian Kesihatan bertempat di Dewan Silaturahim, Pusat Latihan, Jabatan Penjara Maraburong.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan majlis pembukaannya ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan sesi pengenalan bersama pasukan-pasukan yang bertanding.

Sebanyak 10 pasukan menyertai pertandingan bola jaring ini yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawah Kementerian Kesihatan dari keempat-empat daerah.

Objektif kejohanan adalah sebagai projek pembangunan sukan bola jaring Kementerian Kesihatan jangka masa panjang dan berterusan selain meningkatkan usaha sama dan persefahaman dalam kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan di bawah Kementerian Kesihatan dalam memajukan dan meningkatkan mutu sukan bola jaring di Negara Brunei Darussalam.

Ia juga untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan kerjasama di antara Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya dan memberikan galakan dan dorongan kepada semua lapisan masyarakat di negara ini supaya bergiat aktif dalam aktiviti sukan bola jaring serta memupuk semangat kesukanan dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya supaya berminat dan melibatkan diri dalam sukan bola jaring.

Selain itu, ia dapat mengenal pasti pemain-pemain yang berpotensi untuk mewakili Kementerian Kesihatan bagi menyertai Kejohanan Bola Jaring Pesta Sukan Kementerian-kementerian, Sukan Muhibah Borneo dan Perlawanan Persahabatan di dalam atau luar negeri.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; ketua-ketua jabatan; berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.



# Kiudang Warriors johan Perlawanan Akhir Futsal Terbuka




**PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada perlawanan tersebut serta menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (kiri sekali), manakala gambar kiri, sebahagian aksi perlawanan.**

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**TUTONG**, Ahad, 7 September. - Kiudang Warriors muncul juara pada Perlawanan Akhir Futsal Terbuka Seluruh Negara bagi Tahun 2025 dengan keputusan 1 - 0 setelah menewaskan Pasukan Lamunin 'A' yang terpaksa akur sebagai naib johan. Sementara tempat ketiga bersama dimiliki oleh Blantik Purai dan Fussball FC.

Perlawanan tersebut merupakan anjuran Majlis Perundingan Mukim Keriam, Tutong dan merupakan kali ke-2 ia diadakan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada perlawanan yang berlangsung di Padang Futsal Sekolah Rendah Keriam, di sini ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Terdahulu sebelum perlawanan, tetamu kehormat diperkenalkan kepada para pemain-pemain peringkat perlawanan akhir. Pada majlis itu juga, penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

GHIBAH DIUMPAMAKAN SEPERTI MEMAKAN DAGING SAUDARANYA SENDIRI